

|            |                                   |             |                     |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | TH cadang bina kompleks di Makkah |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                     |             |                     |
| Date       | 14 Jul 2014                       | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                          | Circulation | 314,000             |
| Page No    | 5                                 | Readership  | 942,000             |
| Language   | Malay                             | ArticleSize | 353 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Safuri Kamarudin                  | AdValue     | RM 12,168           |
| Frequency  | Daily                             | PR Value    | RM 36,505           |



# TH cadang bina kompleks di Makkah

» *Mudahkan penyelarasan, utamakan keselesaan jemaah*

Oleh Safuri Kamarudin  
bhnews@bh.com.my

✦ **Baling**

**L**embaga Tabung Haji (TH) bercadang membangunkan sebuah kompleks khas di Makkah, bagi memudahkan penyelarasan dan penyediaan segala kemudahan jemaah negara di sana.

Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata untuk tujuan itu, TH sedang mencari tanah sesuai dijadikan tapak pembangunan kompleks terbabit.

"Kunjungan saya ke Makkah baru-baru ini, antara lain untuk mengenal pasti tapak sesuai bagi pembinaan kompleks TH. Kerjasama erat di antara Malaysia dan Arab Saudi dapat memastikan keupayaan TH membina kompleks di negara berkenaan.

"Ini rancangan yang akan kita laksanakan supaya segala urusan dapat dilakukan dengan mudah, demi memberi keselesaan kepada jemaah haji negara setiap kali menunaikan ibadat di sana.

**Dapat sokongan**

"Kita yakin usaha ini mendapat sokongan kerana hubungan baik kerajaan kita de-

ngan Arab Saudi, apatah lagi negara itu percaya dengan kesungguhan Malaysia dalam semua aspek termasuk akhlak jemaah haji ketika menunaikan ibadat di Makkah," katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan agihan zakat RM200,000 oleh TH kepada golongan asnaf peringkat negeri Kedah di Dewan Tun Razak, di sini, semalam.

Pada majlis itu, seramai 400 asnaf miskin dan fakir menerima sumbangan zakat RM500 setiap seorang yang disalurkan TH bagi meringankan beban mereka menyambut Aidilfitri.

Yang turut hadir ialah Pengerah TH Kedah, Ahmad Sohaimi Datuk Abd Rahim dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Ketil, Mohd Khairul Azhar Abdullah.

Sementara itu, Abdul Azeez yang juga Pengerusi Biro Kebajikan UMNO Malaysia, menggesa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terutama pakar perubatan menggembelng tenaga dan usaha membantu masyarakat Islam di Palestin yang kini ditindas kekejaman rejim zionis.

Beliau yang akan menge-

tuai misi bantuan kemanusiaan ke Gaza, berkata pihaknya akan menyegerakan misi itu selepas mendapat kelulusan daripada Wisma Putra, melalui Mesir kerana barangan makanan akan dibeli di negara berkenaan, sebelum dibawa masuk melalui Rafah.

"Kita akan beli barangan makanan di Mesir kerana lebih mudah untuk dibawa masuk ke Gaza. Kita juga perlukan bantuan kewangan daripada orang ramai untuk membeli ubat-ubatan bagi membantu mangsa yang tercedera termasuk kanak-kanak yang tidak berdosa.

"Orang ramai yang berhasrat menghulurkan bantuan untuk Tabung Gaza boleh menyalurkan melalui mana-mana pejabat TH di seluruh negara," katanya.

**"Ini rancangan yang akan kita laksanakan supaya segala urusan dapat dilakukan dengan mudah"**

**Abdul Azeez Abdul Rahim,**  
Pengerusi TH

|            |                                   |             |                     |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | TH cadang bina kompleks di Makkah |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                     |             |                     |
| Date       | 14 Jul 2014                       | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                          | Circulation | 314,000             |
| Page No    | 5                                 | Readership  | 942,000             |
| Language   | Malay                             | ArticleSize | 353 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Safuri Kamarudin                  | AdValue     | RM 12,168           |
| Frequency  | Daily                             | PR Value    | RM 36,505           |



Abdul Azeez **menyampaikan sumbangan zakat TH** kepada asnaf di Dewan Tun Razak, Baling, semalam. [FOTO SAFURI KAMARUDIN/BH]